

Newspaper	Berita Harian
Date	3 January 2016

Najib tiba di Arab Saudi untuk umrah, lawatan kerja

BH - 3/1/2016

» PM dijadual
jumpa golongan
profesional,
pelajar Malaysia
sebelum
ke Madinah

Oleh Norakmah Mat Youb
norakmah@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang melakukan lawatan kerja tiga hari ke Arab Saudi bertemu golongan profesional dan pelajar Malaysia di Jeddah serta Makkah.

Dalam kenyataan dikeluarkan Pejabat Perdana Menteri semalam, Najib turut menunaikan umrah dalam lawatan kali ini dan dijangka ke Madinah hari ini.

"Selain mengunjungi Masjid Nabawi, Najib juga menghadiri jamuan makan tengah hari di Hotel Holiday Villa Madinah bersama golongan profesional dan pelajar Malaysia.

"Ketika di Madinah, Perdana Menteri dijadualkan ke Knowle-

dge Economic City dan Dar Al Madinah Urban and Built Heritage Museum," katanya dalam kenyataan menerusi Facebook.

Najib yang tiba di Jeddah kelmarin, disambut Gabenor Jeddah, Putera Mish'al Abd Majid; Duta Besar Malaysia ke Arab Saudi, Zainol Rahim Zainuddin serta pegawai kanan Kerajaan Malaysia.

Bukti hubungan akrab

Selepas dilantik sebagai Perdana Menteri pada tahun 2009, Najib yang juga Menteri Kewangan sudah beberapa kali mengunjungi Arab Saudi bagi lawatan rasmi dan lawatan kerja.

Najib mengadakan lawatan rasmi pertamanya ke Arab Saudi pada Januari 2010 atas undangan Raja Arab Saudi ketika itu, Raja Abdullah Abdulaziz Al-Saud.

Dalam lawatan itu juga, beliau menerima anugerah tertinggi kerajaan Arab Saudi, King Abdul Aziz Order of Merit (Kelas Pertama).

Hubungan Malaysia-Arab Saudi yang wujud sejak lebih separuh abad lalu semakin akrab apabila Najib berterusan menerima jemputan ke negara kuasa besar Islam itu, termasuk yang terbaru daripada Raja Salman Abdulaziz Al-Saud.